



klassifieds



PINJAMAN DAN KOS PEMILIKAN KERETA

AZIMNYA, orang akan membeli kereta dengan menggunakan pinjaman sewa beli. Sewa beli adalah penyewaan barangan dengan pilihan untuk membelinya pada akhir tempoh pinjaman.

Dengan mengambil pinjaman sewa beli, anda dikenali sebagai penyewa dan institusi kewangan yang memberi pinjaman sebagai tuan punya kenderaan. Sebagai penyewa, anda perlu membuat bayaran ansuran berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui di bawah perjanjian sewa beli. Setelah semua bayaran ansuran dijelaskan, hak milik kereta tersebut akan dipindahkan kepada anda.

BERAPAKAH KEMAMPUAN ANDA?

Kadar faedah untuk pinjaman kereta biasa berasaskan kadar sama rata. Mengikut Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010), kadar faedah maksimum yang dibenarkan ialah 10% setahun. Kiraan faedah adalah berdasarkan faedah atas jumlah pokok untuk sepanjang tempoh pinjaman sewa beli.

Pengiraan boleh dilihat dalam contoh berikut:-

Harga kereta	RM50,000
Bayaran pendahuluan @ 10%	RM5,000
Jumlah pinjaman sewa beli	RM45,000
Kadar faedah (Kadar sama rata)	5% setahun
Tempoh pinjaman	5 tahun (60 bulan)

Pengiraan:

Jumlah faedah yang dikenakan
 = Jumlah pinjaman x kadar x tahun
 = RM45,000 x 5% x 5
 = **RM11,250**

Jumlah pinjaman + Faedah
 = RM45,000 + RM11,250
 = **RM56,250**

Jumlah ansuran bulanan
 = RM56,250 / 60 bulan
 = **RM938**

Ansuran bulanan yang perlu dibayar ialah RM938 sebulan. Untuk mengetahui sama ada anda mampu membayar ansuran tersebut, gunakan formula berikut untuk memperoleh pendapatan bulanan minimum yang anda perlukan. Pengiraan jumlah pendapatan minimum ini atas andaian bahawa anda tidak ada ansuran lain.

Jika anda mempunyai pinjaman lain, pastikan jumlah ansuran semua pinjaman tidak melebihi 40% daripada pendapatan bersih bulanan anda.

Contoh:

Pendapatan bersih bulanan
 = Bayaran ansuran bulanan kereta / 40%
 = RM938 / 40%
 = **RM2,345**

Dengan pendapatan RM2,345 tanpa komitmen pinjaman yang lain, anda mampu membayar

ansuran tersebut. Walau bagaimanapun, anda masih perlu mengambil kira perbelanjaan berkaitan yang ditunjukkan di atas.

Kiraan di atas menunjukkan bahawa kos memiliki kereta tersebut adalah jauh melebihi bayaran ansuran bulanan yang berjumlah RM938.

KOS TETAP	RM	CATATAN
1. Bayaran Ansuran (dibundarkan)	938	RM45K @ 5% selama 5 tahun
2. Insuran	125	RM1,500 setahun / 12 bulan
3. Cukai Jalan	8	RM90 setahun / 12 bulan
Jumlah kecil	1,071	
KOS BOLEH UBAH		
1. Petrol	225	Andaian RM0.15/km x 50km/hari x 30 hari
2. Servis dan Penyelenggaraan	100	Berdasarkan anggaran
3. Parkir kereta / tol	100	Berdasarkan anggaran
Jumlah kecil	425	
JUMLAH	1,496	

Ilustrasi di atas tidak mengambil kira susut nilai kereta dan kos pembaikan.

Sumber:
 Buku POWER! Pengurusan Wang Ringgit anda oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)